# Orientalis dan Islam

Makalah ini adalah sebuah makalah terjemahan dari majalah "Minbar Islam". Karangan al-Ustaz Mohamed Attia Abrashi..

Terjemahan yang begitu menarik dan logik ini telah diusahakan oleh saudara "Liza" dari pusat pengajian tinggi – Nilam Puri – Kelantan. Semoga dengan menatap makalah ini dapatlah pembaca sekalian mengetahui betapa buruknya niat orientalis-orientalis Barat terhadap Islam. – Pengarang.

#### Riwayat Yang Salah:

Setelah puak pelampau Orientalis telah membuat pembohongan ke atas kesucian peribadi Rasul Allah (S.A.W). Mereka tidak mengkaji apa yang mereka tulis secara ilmiah. Tulisan-tulisan mereka berpegang dengan buku-buku sejarah karangan Yahudi yang diambil dari riwayat-riwayat yang salah dan tidak benar. Hasil dari itu lahirlah tulisan-tulisan kerdil menyentuh peribadi Rasul 'alayhi wa sallam. Amat ternyata sifat-sifat fanatik mereka di dalam karya-karya. Hanya beberapa kerat sahaja seperti Thomas Kerlin (1798-1881) menulis secara ilmiah dan kritis. Beliau menulis tentang keagungan peribadi Rasul dan Islam. Ahli falsafah Inggeris inilah yang mula-mula, julung kali membuat pengakuan sah terhadap Rasul dan Islam; di dalam bukunya (Jaguh-jaguh dan Ibadah).

#### **Kecaman Orientalis:**

Edward James Brown dalam bukunya (Sejarah Kesusasteraan Parsi). Sir Thomas Arnold dalam bukunya (Seruan Islam), juga Terjemahan oleh: Liza
pengarang-pengarang lain yang jujur, mereka
memperkatakan keagungan Muhammad, kebenarannya
dalam menjalankan tugas risalah.
Tidak memihak kepada mana-mana puak dan
bebas menyatakan yang hak.

Diharap kepada orientalis-orientalis supaya menyampaikan ilmu pengetahuan dengan jujur, mengandung kritik-kritik ilmiah yang dapat diterima. Suci dari tuduhan-tuduhan melulu. Tidak berkesumat dengan Islam... Moga-moga kajian mereka dapat dibawa ke tengah dan merupakan kritis.

Siapa yang mengikuti tulisan-tulisan puak pelampau ini, khasnya dalam abad kedua puluh terikut-ikut dengan aliran-aliran keagamaan dan semangat perkauman mereka. Lantas mendakwa Muhammad seorang tukang sihir yang mahir. Dapat mempengaruhi masyarakat dengan ayat-ayat al-Qur'ān yang dimilikinya... Pada hal mereka benar-benar tahu Muhammad sebelum dibangkitkan menjadi Rasul sebagai orang yang dipercayai, perkataan dan perbuatannya. Baginda seorang *ummī*! Kenapa pula mereka menuduh yang bukan-bukan; Muhammad pereka agama Islam, sukakan keenakan dan

kelazatan hidup. Tuhan amat mengetahui sebenarnya mereka berdusta.

#### Islam dan Ahli Kitab:

Rasul tak pernah menyatakan sesuatu melainkan dengan perintah Allah. Al-Qur'ān kitab Allah yang diturunkan (Lā ya'tīhi al-Bāṭil min bayni yadayhi wa lā min khalfihi tanzīlu min ḥakīmi ḥamīdi). Ertinya kira-kira: "Tidak dapat disodok kepalsuan sama ada dari hadapan dan belakang. Al-Qur'ān diturunkan daripada yang Maha Bijak lagi Terpuji". (Wa law kāna min 'indi ghayri Allāhi lawajadā fīhi ikhtilāfā kathīrā). "Kiranya al-Qur'ān itu datangnya daripada selain dari Allah, nescaya kamu dapati di dalamnya banyak perselisihan". Tidakkah puak-puak Quraisy yang terdiri dari sarjana-sarjana bahasa lemah untuk mendatangkan sepotong ayat yang serupa apabila mereka dicabar? Pada hal merekalah ahli bahasa yang terkemuka.

Kalau misinari-misinari Kristian tidak berfanatik, membuta tuli, mereka tahu Islam dengan sejelas-jelasnya. Beriman dengan ajaran al-Qur'ān, tunduk di bawah kebesarannya, mengakui kerasulan Muhammad, tetapi mereka,

#### Orientalis dan Islam

terburu nafsu, mengikut perasaan hati. Di antaranya terdapat Zwemer dalam bukunya (Negara Arab Tempat Lahir Islam).

Walaupun gelagat dan tindaktanduknya menikam Islam, Islam bersikap lapang dada, mengiktiraf kitab Taurat dan kerasulan Mūsā 'alayhi al-salām, mengakui Injil dan kerasulan 'Īsā, mensuci peribadi Maryam. Pemeluk Islam bergaul rapat dengan ahli al-Kitab. Memandang mereka sebagai kawan sejawat.

#### Islam Agama Dunia Akhirat

Dunia yang serba moden hari ini menimbulkan keraguan. Manusia diresapi oleh kebendaan. Kesedaran jiwa berkurangan. Hidup kerana kebendaan. Tidak terfikir kepada sesuatu fakta melainkan untuk kebendaan. Lupa kepada firman Tuhan (Wa abtaghi fīmā atāka Allāhu Al-dāra al-akhirata. Wa lā tansa naṣībaka min al-dunyā wa aḥsi kamā aḥsana Allāhu ilayka wa lā tabtaghi al-fasāda fī al-arḍ inna Allāha lā yuḥibbu al-mufsidīna). "Tuntutlah segala pemberian Allah kepada engkau untuk akhirat. Dan jangan lupa haluan engkau di dunia. Berbuat baiklah kepada Allah sebagaimana Allah berbuat baik kepada engkau. Jangan kamu mencari kerosakan di bumi. Sesungguhnya Allah itu tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kekacauan." Lupa kepada pesanan Rasul (A'mal lidunyaka kaannaka ta'īshu abadā wa a'mal liākhiratika *kaannaka tamūtu ghadā*). Bererti kira-kira: "Bekerjalah untuk urusan duniamu seolah-olah kamu hidup selama-lamanya. Dan bekerjalah untuk urusan

akhiratmu seolah-olah kamu akan mati besok."

#### Islam Tidak Memandang Kulit.

Jurang perbezaan kulit hangat membara di Amerika Syarikat dan di Afrika Selatan. Kulit putih bisa menyandang jawatan ketua. Sedangkan kulit hitam hanya layak menjadi hamba kepada mereka. Pergaulan di antara kedua liar sekali.

Islam bencikan perbezaan-perbezaan antara sesama manusia. Tidak ada apa-apa perbezaan antara putih dan hitam. Mungkin si hitam lebih mulia di sisi Tuhan dengan jasa baktinya kepada Allah. Islam mengangkat darjat kemuliaan manusia dengan selayaknya. Menyeru ke arah kemerdekaan mutlak dan hidup yang stabil. Tuhan berfirman (Innā khalaqnākum min dhakari wa unthā wa jaʻalnākum shu`ūbā wa qabā'ila lita'ārafū inna akramakum 'inda Allāhi atqākum. Sesungguhnya Kami telah jadikan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berpuak-puak dan bersuku bangsa, supaya kamu berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa. Dan Rasul menegaskan (Lā faḍla li 'arabī 'alā 'ajamī wa lā abyadu 'alā aswadu illā bi al-taqwā kullukum min Ādam wa Ādama min turāb) Ertinya: "Tidak ada kelebihannya antara bangsa Arab dengan bangsa lainnya. Tidak ada kelebihan antara yang putih dengan yang hitam melainkan dengan takwa. Kamu semua dari Adam. Dan Adam

Blok Timur dan Barat merupakan dua kuasa yang terbesar. Berlumba-lumba antara satu sama lain dalam mengatasi kuasa. Masing-masing dengan

dari tanah.

kekuatan senjata nuklearnya. Islam menyeru manusia ke arah berbaik-baik. Menolong antara satu sama lain. Tidak menunjuk-menunjuk kuasa yang ada dengan tujuan permusuhan. Islam menyeru ke arah satu kekuatan antara bangsa. Tuhan berfirman (Wa ta'āwanū 'alā al-birr wa al-taqwā wa lā ta'āwanū 'alā al-ithmi wa al-'udwān). "Dan tolong-menolonglah kamu untuk kebaikan jangan sekali-kali bertolong-tolongan untuk kejahatan dan perseteruan." Rasul berpesan (al-mu'min lilmu'min ka al-bunyān yushiddu ba'dahu ba'da). "Orang-orang mukmin dengan mukmin yang lain seperti bangunan, setengah menguatkan setengah yang lain".

## Ajaran-ajaran Islam progresif dan logik:

Akhlak pemuda-pemudi telah rosak.

Perasaan individu mengancam
suasana, lebih mementingkan diri
sendiri, seorang saudara tidak
kenal saudaranya, anak lupa kepada ayah
yang mengasuhnya. Tiap-tiap orang bersedia
untuk hidup sendiri-sendiri. Apakah
mereka tidak mengerti dengan firman Allah
(Wa innaka la'alā khuluqi 'azīm).

"Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai
akhlak yang mulia." dan Rasul
bersabda (Innamā bu'thtu li'atmam makārimi
al-akhlāq) "Sesungguhnya aku
diutuskan untuk menyempurnakan
kemuliaan akhlak.

Kalau kita lihat kepada umat-umat yang dijajah dan mendapat kemerdekaan selepasnya, kita dapati umat itu jahil, lemah dan rosak akhlaknya.
Untuk mengubah segala penyakit ini perlu kepada rawatan. Islam merupakan jururawat, turut jejak langkah
Rasul. Ajaran Islam progresif dan logik, adil dan saksama dan

#### Orientalis dan Islam

demokrasi, menyeru ke arah kebaikan persatuan dan ikatan jiwa yang teguh yaitu tunduk di bawah kekuasaan Allah.

Islam adalah satu agama
praktik. Terpancar darinya segala
kekuatan kebenaran adil dan
kasihan belas. Mengarah manusia ke arah
berfikir.

Apa yang ditentang oleh puak pelampau
Orientalis dan pengembang-pengembang agama
Kristian itu adalah semata-mata
diasaskan di atas rasa dendamnya.
Mereka tidak dapat lihat cahaya
suria lantaran ditutupi cahaya
kejahilannya.

#### Sebab-sebab umat Islam lemah:

Mereka mendakwa lagi. Dengan Islamlah pemeluk-pemeluknya liar, lemah dan lembab. Islam tersiar dengan mata pedang.
Sebenarnya mereka tertipu dengan kebodohan fikiran mereka sendiri. Sekiranya mereka mempelajari tārīkh-tārīkh Islam mereka akan dapati orang-orang Islam terdahulu telah membuka mata umat dunia. Membawa tamadun yang luar biasa. Berdasar kepada iman dan pengajaran-pengajaran yang suci.

Kemunduran umat Islam disebabkan ajaran Islam tertinggal jauh dari belakang. Mereka lemah kerana dijajah. Tersebarlah kelemahan dan dan¹ kejahilan yang kelam. Bukan setakat itu sahaja malah mereka membahagi-bahagikan negeri-negeri mereka kepada beberapa wilayah yang kecil-kecil. Dengan itu tercetuslah perbalahan dan perpecahan. Perpecahan di antara kaum sehingga senang dijajah dan segala hasil-mahsul

dirampas. Menguasai ekonomi dan pertadbiran.

Islam mewajibkan umatnya belajar.

(Talaba al-'ilmu farīḍata 'alā kulli muslim

wa muslimata) "Menuntut ilmu wajib

bagi tiap-tiap orang Islam sama ada

lelaki dan perempuan." Sabdanya lagi

(Man arāda al-dunyā fa'alayhi bi al-'ilmi. Wa man

arāda al-ākhirata fa'alayhi bi al-'ilmi wa man

arādahumā ma'ā fa'alayhi bi al-'ilmi).

"Siapa berkehendakan dunia hendaklah

dengan ilmu. Siapa hendakkan akhirat

mahulah dengan ilmu. Siapa hendakkan

kedua-duanya (dunia dan akhirat) mahulah

Islam membanteras kefakiran dengan difardukan zakat. Menyeru ke arah bantumembantu. Memberansang pemeluknya menjaga kesihatan. Rasul berpesan (Inna libadanika 'alayka ḥaqqā) "Sesungguhnya badan kamu ada hak di atas kamu membelanya." Dan sabdanya lagi (al-mu'min al-quwwā khayru min al-mu'min al-da'īf) "Orang mukmin yang kuat cergas itu lebih baik dari orang mukmin yang lemah".

dengan ilmu."

Islam menyeru ke arah bersatu-padu yang erat. Tuhan berfirman (Wa a'taşimū bi ḥabli Allāh jamī'ā wa lā tafarraqū)
"Berpegangan teguhlah kamu dengan tali (agama) Allah jangan sekali-kali berpecah belah."

Kiranya pemeluk Islam hari
ini mengikut ajaran-ajaran Islam
dengan asas yang teguh, tata
susilanya yang tinggi, contoh-contohnya yang
elok; tinggi pulalah nilai mereka,
teratur dan tidak ada lagi
persengketaan.
Islam mengajar pemeluk-pemeluknya bergiat dan
berusaha. Tidak bisa wujud
orang jahil melainkan diberi

pelajaran. Tidak ada yang melarat, miskin melainkan dibela. Tidak bisa wujud pesakit melainkan diberi ubat dan dirawat.

\* \*

\*

sudah siap!

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah I

### RUPA YANG BUROK

Di-padankan dari cherita2 Sejarah Islam.

> Didek-lah jiwa kanak2 dengan menggalakkan mambacha buku2 sejarah ringkas Islam.

Di-jalin dengan bahasa yang mudah dan lekas di-fahami oleh
kanak2. Serta di-hiasi
dengan gambar2 lukisan
yang menarik.
Sa-buah 40 sen.
Pos 10 sen.

Pesanlah kapada:

**QALAM** 

8247 Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

\*

\*

Pengulangan perkataan dan.